

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2024**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024
PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1
TINGKATAN 5
OKTOBER 2024**

3756/1

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.
4. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi **13** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

- 1 **Rajah 1** menunjukkan sebahagian daripada kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah **M** dan **N**?

	M	N
A	Pelarasan	Imbangan Duga Terselaras
B	Imbangan Duga	Penyata Kewangan
C	Imbangan Duga Terselaras	Penyata Kewangan
D	Imbangan Duga	Imbangan Duga Terselaras

- 2 Antara berikut, manakah ciri kualitatif tertinggi penyata kewangan?

- I kerelevanan
- II perwakilan benar
- III kebolehbandingan
- IV kebolehsahan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I dan IV
- D III dan IV

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Yara.

Puan Yara menggunakan kaedah garis lurus untuk pengiraan susut nilai alatan pejabat dan kenderaan bagi setiap tempoh perakaunan.

Apakah prinsip perakaunan yang diamalkan oleh Perniagaan Yara?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Usaha berterusan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 4 Penyataan manakah yang **benar** tentang ciri sebuah entiti perniagaan?

- A Klinik Pergigian Adorea dan Rakan-rakan menanggung liabiliti terhad
- B Keanggotaan minimum Koperasi KRS Berhad ialah 50 orang
- C Aurora Enterprise didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016
- D Modal Syarikat Singgahsana Berhad diperoleh dari rakan pekongsi

5 Pilih padanan yang **benar** bagi komponen Akaun Perdagangan.

- I Hasil
- II Belanja
- III Kos Jualan
- IV Jualan Bersih

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6 Manakah item berikut merupakan belanja bukan operasi?

- A Gaji
- B Kadar bayaran
- C Faedah ovedraf
- D Angkutan keluar

7 Puan Inara pemilik perniagaan Kedai Bunga Cempaka membayar hutang kepada Pemborong Maira dengan cek RM3 690 dan menerima diskaun tunai sebanyak RM110. Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Bunga Cempaka?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah RM3 690	Bertambah RM3 800	Berkurang RM110
B	Berkurang RM3 690	Berkurang RM3 800	Bertambah RM110
C	Bertambah RM3 800	Bertambah RM3 690	Bertambah RM110
D	Berkurang RM3 800	Berkurang RM3 690	Berkurang RM110

8 Berikut ialah kod yang digunakan oleh Syarikat Prisma Sdn. Bhd. untuk membina carta akaun dalam sistem perakaunan berkomputer.

Kod	Jenis Akaun
1000-1999	Aset
2000-2999	Liabiliti
3000-3999	Belanja
4000-4999	Ekuiti Pemilik

Apakah nombor kod bagi hutang lapuk?

- A 1010
- B 2020
- C 3030
- D 4040

- 9 Dokumen berikut diterima oleh Puan Layla.

Asal	INVOIS NANAS BERHAD 14, Jalan Duri 43900 Sepang	INV2402	
		Tarikh : 12 September 2024	
Kepada Puan Layla 4, Persiaran Inovasi 63000 Cyberjaya			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
100 kg	Nanas Madu	14.00	1 400.00
Jumlah			1 400.00
(Ringgit Malaysia : Seribu empat ratus sahaja)			
Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari Syarat serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K			
<i>Layla</i> Penerima		<i>Jina</i> Pengurus	

Berapakah diskaun tunai yang diterima oleh Puan Layla sekiranya bayaran dibuat pada 19 September 2024?

- A RM28
B RM70
C RM1 330
D RM1 372
- 10 Antara berikut, urus niaga manakah direkod dalam Jurnal Khas?
- I Menjual barang niaga secara kredit
II Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak
III Membeli barang niaga secara tunai
IV Mengambil inventori barang niaga untuk kegunaan perniagaan
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 11 Berikut ialah petikan Buku Tunai yang diambil daripada Kedai Raef.

Buku Tunai									
Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2024		RM	RM	RM
					Ogos 6	Imran Enterprise	400		3 600

Apakah urus niaga yang berlaku pada 6 Ogos 2024?

- A Bayar cek kepada Imran Enterprise RM3 600 dan beri diskaun sebanyak RM400
 - B Bayar cek kepada Imran Enterprise RM3 600 dan terima diskaun sebanyak RM400
 - C Terima cek daripada Imran Enterprise RM3 600 dan terima diskaun sebanyak RM400
 - D Terima cek daripada Imran Enterprise RM3 600 dan beri diskaun sebanyak RM400
- 12 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Sofea Enterprise bagi bulan Ogos 2024.

	RM
Jumlah Penerimaan	350
Baki pada 31 Ogos 2024	80

Berapakah nilai rekupmen pada 1 September 2024?

- A RM80
 - B RM270
 - C RM350
 - D RM430
- 13 Manakah peraturan merekod urus niaga ke lejar yang **betul**?
- A Ekuiti pemilik dikreditkan apabila bertambah
 - B Liabiliti didebitkan apabila bertambah
 - C Aset didebitkan apabila berkurang
 - D Belanja dikreditkan apabila bertambah
- 14 Fawwaz Trading membeli sebuah kereta secara kredit daripada Motors Sdn. Bhd. Apakah akaun yang didebitkan dan dikreditkan?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Belian	Kenderaan
B	Kenderaan	Motors Sdn Bhd.
C	Motors Sdn Bhd.	Kenderaan
D	Belian	Motors Sdn Bhd.

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Buku Athirah.

Akaun Kawalan Belum Terima

2024		RM	2024		RM
Jan. 1	Baki b/b	1 243	Jan.31	Bank	8 655
31	P	10 494		Pulangan Jualan	380
				Q	150
				Baki h/b	2 552
		11 737			11 737
Feb 1	Baki b/b	2 552			

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Diskaun diberi	Jualan
B	Hutang lapuk	Kontra
C	Jualan	Diskaun diberi
D	Kontra	Hutang lapuk

- 16 Penyataan berikut merujuk kepada **R**.

Menyemak ketepatan catatan bergu

Apakah **R**?

- A Lejar
- B Jurnal
- C Buku Tunai
- D Imbangan Duga

- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Biha Enterprise pada 31 Mac 2024.

	RM
Untung kasar	6 000
Insurans belian	250
Faedah simpanan	400
Faedah overdraf	150

Berapakah untung bersih Biha Enterprise?

- A RM5 500
- B RM5 750
- C RM6 250
- D RM6 500

- 18 Butiran manakah merupakan aset semasa Perniagaan Aidil.
- I. Perabot
 - II. Bank
 - III. Akaun Belum Terima
 - IV. Akaun Belum Bayar
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 19 Antara berikut yang manakah **benar** tentang penutupan akaun?
- A Sewa didebitkan dalam Akaun Perdagangan
B Insurans didebitkan dalam Akaun Perdagangan
C Angkutan masuk didebitkan dalam Akaun Untung Rugi
D Lesen perniagaan didebitkan dalam Akaun Untung Rugi
- 20 Apakah komponen bagi insurans prabayar yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Aset bukan semasa
B Ekuiti pemilik
C Aset semasa
D Liabiliti semasa
- 21 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Ziyad Faris.

	1 Jun 2023	31 Mei 2024
	RM	RM
Kadar bayaran prabayar	500	-
Kadar bayaran belum bayar		1 500

Maklumat tambahan:

Kadar bayaran dibayar dengan cek RM1 200.

Berapakah jumlah kadar bayaran yang sepatutnya pada 31 Mei 2024?

- A RM200
B RM1 200
C RM2 200
D RM3 200



- 22 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Perniagaan Aidilluqman.

Perniagaan Aidilluqman		
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	9 000	
Peruntukan Hutang Ragu		340
Hutang Lapuk	250	

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima Bersih.

Berapakah peruntukan hutang ragu yang direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM360
 - B RM350
 - C RM20
 - D RM10
- 23 Pada 1 Januari 2023, Aleesa Enterprise telah membeli sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) berharga RM75 000 dan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Pada 1 Januari 2024, MPV tersebut dijual pada harga RM58 500.
- Berapakah untung atau rugi pelupusan kenderaan tersebut?
- A Rugi pelupusan RM8 735
 - B Rugi pelupusan RM9 000
 - C Untung pelupusan RM8 735
 - D Untung pelupusan RM9 000
- 24 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Izrina.

Belian daripada Faris tersalah rekod dalam Akaun Haris
--

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan komisen
- C Kesilapan songsang
- D Kesilapan saling mengimbangi

- 25 Belanja membaiki kenderaan RM1 500 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan. Apakah kesan kepada untung bersih selepas pembetulan kesilapan dilakukan?

A Bertambah RM 1 500
B Berkurang RM 1 500
C Bertambah RM 3 000
D Berkurang RM 3 000

- 26 Maklumat berikut berkaitan dengan nisbah kecairan dua buah perniagaan.

Nisbah ujian asid	Perniagaan Amnie	Perniagaan Maryam
	3 : 1	4 : 1

Apakah tafsiran yang **betul** menggambarkan kedua-dua perniagaan tersebut?

- A Perniagaan Maryam berkemampuan untuk membayar hutang jangka pendek dengan lebih cepat berbanding dengan Perniagaan Amnie
B Perniagaan Amnie berkemampuan untuk membayar hutang jangka pendek dengan lebih cepat berbanding Perniagaan Maryam
C Perniagaan Maryam berkemampuan untuk membayar hutang jangka pendek dengan lebih tinggi berbanding dengan Perniagaan Amnie
D Perniagaan Amnie berkemampuan untuk membayar hutang jangka pendek dengan lebih tinggi berbanding dengan Perniagaan Maryam
- 27 Maklumat berikut diperoleh daripada akaun Kedai Perabot Husna. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2023.

	RM
Bank	40 000
Deposit sewa	3000
Utiliti belum bayar	1 550
Akaun Belum Bayar	2 040
Akaun Belum Terima	2 570

Berapakah modal pada tarikh itu?

- A RM44 020
B RM41 980
C RM38 020
D RM35 980
- 28 Apakah butiran yang direkodkan di sebelah debit penyata bank?
- A Deposit
B Dividen
C Arahan tetap
D Pindahan kredit

- 29 Cik Kamalin tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Julai 2024.

2023		RM
Ogos 1	Sewa belum bayar	550
2024		
Julai 31	Jumlah pembayaran sewa	4 950
	Sewa belum bayar	1 650

Berapakah jumlah sewa yang direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024?

- A RM3 850
B RM4 950
C RM6 050
D RM7 150
- 30 Maklumat menunjukkan anggaran belian Perniagaan Yasmin bagi bulan Oktober dan November 2024.

	RM
Oktober	70 000
November	77 000

Maklumat tambahan:

70% daripada belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

Berapakah anggaran belian tunai pada bulan November?

- A RM21 000
B RM23 100
C RM49 000
D RM53 900
- 31 Apakah butiran yang direkod di sebelah kredit Akaun Semasa Butik Alisya & Azra?
- A Ambilan
B Faedah atas ambilan
C Bonus Alisya belum bayar
D Faedah pinjaman bank belum bayar

- 32 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Annarisa.

	RM
Untung bersih	42 200
Faedah atas pinjaman	2 000
Faedah atas modal	3 600
Faedah atas ambilan	3 200

Untung rugi Anna dan Arissa diagihkan mengikut nisbah 3:2. Berapakah kongsi untung yang diterima oleh Anna?

- A RM15 920
- B RM16 720
- C RM23 880
- D RM25 080

- 33 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Ridzwana.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank)	98 000
Jumlah liabiliti	30 000
Belanja realisasi	1 200
Bank	15 000

Maklumat tambahan:

- i. Semua aset direalis dengan nilai RM 78 000.
- ii. Liabiliti dijelaskan sepenuhnya dengan nilai RM28 000.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM4 200
- B RM6 200
- C RM19 200
- D RM21 200

- 34 Apakah jenis keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer Aisyakura Berhad?

- A Bonus
- B Faedah
- C Dividen
- D Honorarium

- 35 Maklumat berikut berkaitan modal Yuhanis Berhad.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh:

- 1 500 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer
- 2 500 000 unit 8% syer keutamaan RM2.00 sesyer

Berapakah jumlah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM1 500 000
 - B RM1 900 000
 - C RM5 000 000
 - D RM6 500 000
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Rakan Muda Desa Kelisa.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 (petikan)

	RM
Yuran 2022	240
Yuran 2023	3 200
Yuran 2024	180

Maklumat tambahan:

Yuran belum terima pada 31 Disember 2023 ialah RM480.

Berapakah yuran ahli yang dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM3 620
 - B RM3 680
 - C RM3 860
 - D RM3 920
- 37 Apakah tujuan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Kelab Ragbi?
- A Untuk menghitung untung atau rugi kelab
 - B Untuk menghitung jumlah yuran ahli kelab
 - C Untuk menghitung baki akhir akaun bank kelab
 - D Untuk menghitung lebihan atau kurangan bagi operasi kelab
- 38 Berikut ialah kos overhead bagi kilang kasut **kecuali** ...
- A gaji pengurus kilang
 - B gaji penyelia kilang
 - C gaji operator kilang
 - D gaji kerani kilang

- 39 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kilang Pakaian Sufia pada 31 Disember 2023.

	RM
Alatan kilang	55 000
Gaji buruh langsung	9 800
Sewa kilang	7 210

Maklumat tambahan:

- (i) Alatan kilang disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
(ii) Sewa belum bayar RM390.

Berapakah kos overhead?

- A RM12 320
B RM13 100
C RM22 120
D RM22 900
- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Biskut Ateh yang membekalkan biskut di sekitar Seremban.

	RM
Jumlah kos berubah	18 500
Jumlah kos tetap	30 000
Harga jualan seunit	8.00

Berapakah titik pulang modal jika kilang mengeluarkan 2 500 pek biskut?

- A 50 000 unit
B 40 000 unit
C 30 000 unit
D 20 000 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT